1 Pernyataan manakah benar tentang perakaunan?

I Perakaunan adalah lebih luas daripada simpan kira

II Perakaunan merancang penggunaaan modal perniagaan

III Perakaunan membantu pihak pengurusan membuat keputusan

IV Perakaunan melibatkan proses merekodkan urus niaga sahaja

A I dan II C II dan IV

B I dan III D III dan IV

2 Maklumat yang berikut berkaitan dengan etika profesion perakaunan.

Semasa menjalankan tugas, seorang akauntan tidak boleh berkompromi dan berat sebelah serta tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Apakah ciri yang berkaitan dengan etika di atas?

A Integriti C Objektiviti

B Kerahsiaan D Sifat profesional

3 Sebuah premis telah dibeli oleh Syarikat Gemilang pada 1 Mac 20X9 dengan harga RM900,000. Pada tahun 20X9, nilai pasaran premis tersebut meningkat kepada RM 1,160,000.

Berapakah nilai premis yang akan direkodkan dalam penyata kewangan dalam tahun 20X9?

A RM 260 000 C RM 760 000

B RM 900 000 D RM 1 160 000

4 Membayar sewa sebanyak RM450 setiap bulan. Apakah andaian perakaunan yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

A Ketekalan C Wang sebagai ukuran

B Usaha berterusan D Pengiktirafan hasil dan belanja

5 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan proses perakaunan berkomputer?

I Risiko kesilapan adalah tinggi

II Penyata kewangan dapat dijana dengan lengkap

III Penyediaan akaun akan mengambil masa yang lebih lama

IV Kerja perekodan dapat dilakukan dengan lebih cekap

A I dan II C II dan IV

B I dan III D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

6 Situasi berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Muthu.

Encik Muthu memulakan perniagaan futsal pada 1 Mac 2020. Tempoh perakaunannya berakhir pada setiap enam bulan.

Pernyataan manakah menepati tempoh perakaunan tersebut?

A 1 Mac 2020 – 30 April 2020
B 1 Mac 2020 – 31 Mac 2020
C 1 Mac 2020 – 31 Ogos 2020
D 1 Mac 2020 – 28 Feb 2021

7 Siapakah pengguna dalaman Penyata Kewangan?

A Pembekal
B Pelanggan
C Lembaga pengarah
D Lembaga Hasil Dalam Negeri

8 Antara berikut, manakah yang benar tentang syarikat berhad?

I Liabiliti adalah terhad
II Bilangan minimum ahli 100 orang
III Ditadbir oleh Ahli Lembaga Pengarah
IV Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

9 Apakah komponen yang terdapat dalam Akaun Perdagangan?

I Hasil
II Belanja
III Kos Jualan
IV Jualan bersih

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

10 Pernyataan manakah yang benar tentang aset bukan semasa?

I Aset bukan semasa mengalami susut nilai
II Aset bukan semasa mudah ditukar menjadi tunai
III Aset bukan semasa mempunyai usia guna yang panjang
IV Aset bukan semasa dijual semula untuk mendapatkan keuntungan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

11 Pada 2 Mei 20X9, Encik Ghaz membawa masuk alatan pejabat bernilai RM 1 900 untuk kegunaan perniagaan. Apakah kesan urus niaga terhadap aset dan ekuiti pemilik?

	Aset	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Bertambah
B	Bertambah	Berkurang
C	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah

12 Easy Trading menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer. Apakah kod bagi akaun gadai janji?

Kod item	Jenis akaun
1000 – 1999	Aset
2000 – 2999	Liabiliti
3000 – 3999	Belanja
4000 – 4999	Hasil

A 1001
B 2002
C 3003
D 4001

13 Manakah yang merupakan catatan kontra?

A Akaun Jualan
B Akaun Belian
C Akaun Hutang lapuk
D Akaun Peruntukan hutang ragu

14 Antara berikut, dokumen manakah yang digunakan dalam urus niaga tunai?

I Resit
II Invois
III Nota debit
IV Baucar pembayaran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15 Puan Maria menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antaranya dengan pembeli pada akhir setiap bulan. Apakah dokumen yang dihantar oleh Puan Maria?

A Invois
B Nota debit
C Penyata bank
D Penyata akaun

LIVEWORKSHEETS

16 Maklumat yang berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam suatu invois.

Diskaun Tunai: 10 % 10 hari 2 % 30 hari

Kedai Ghazali telah menerima invois berjumlah RM 3 000 pada 10 April 20X9.

Sekiranya invois dijelaskan pada 2 Mei 20X9, berapakah jumlah yang perlu dibayar?

A RM 2 640
B RM 2 700
C RM 2 940
D RM 3 000

17 Apakah dokumen bukan sumber yang merupakan salinan akaun semasa pelanggan bank?

A Invois
B Slip bank
C Penyata bank
D Penyata akaun

18 Syarikat Kaseh Sdn Bhd menerima dokumen yang menyatakan sejumlah amaun telah ditambahkan ke dalam akaunnya kerana urus niaga yang berikut.

* Faedah simpanan tetap * Dividen atas pelaburan

Apakah dokumen tersebut?

A Nota debit
B Nota kredit
C Makluman debit
D Makluman kredit

19 Antara berikut, manakah yang merupakan kegunaan memo?

I Untuk merekodkan catatan kontra perniagaan
II Untuk merekodkan belian barang niaga secara kredit
III Untuk merekodkan ambilan oleh pemilik perniagaan
IV Untuk merekodkan pengeluaran barang untuk promosi

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

20 Apakah dokumen yang **tidak** dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli?

A Invois
B Nota kredit
C Penyata akaun
D Pesanan belian

21 Cik Ainur, pemilik Butik Pakaian Seri membeli rak pameran secara kredit bernilai RM 1200 untuk kegunaan perniagaan. Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

A Resit
B Invois
C Bil tunai
D Nota kredit

LIVEWORKSHEETS

22 Jurnal Am berikut diperoleh daripada TST Enterprise.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20X9		RM	RM
Ogos 1	Bank	15 000	
	Perabot	5 000	
	Modal		20 000
	(Aset dan modal pada tarikh ini)		

Apakah jenis urusniaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

A Catatan pelarasan
B Catatan penutupan
C Catatan pembukaan
D Catatan modal tambahan

23 Pilih padanan fungsi Jurnal Khas yang **betul.**

	Buku Catatan Pertama	**Tujuan**
I	Jurnal Jualan	Merekodkan jualan barang niaga secara kredit
II	Jurnal Pulangan Masuk	Merekodkan pulangan barang niaga kepada pembeli
III	Jurnal Pulangan Keluar	Merekodkan pulangan barang niaga daripada pembekal
IV	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekodkan belian barang niaga secara tunai

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

24 Urus niaga manakah yang direkodkan ke dalam Buku Tunai Runcit?

A Bayar sewa kedai
B Bayar insurans kedai
C Beli perabot terpakai
D Beli pewangi pejabat

25 Pada 9 Mac 20X9, pemilik Kedai Zul telah mengambil inventori bernilai RM400 untuk kegunaan keluarga. Catatan Jurnal Am manakah yang **betul** untuk merekodkan urus niaga tersebut?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20X9		RM	RM
Mac 9	Ambilan	400	
	Belian		400

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20X9		RM	RM

LIVEWORKSHEETS

Mac 9	Belian	400	
	Ambilan		400

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20X9		RM	RM
Mac 9	Ambilan	400	
	Inventori		400

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20X9		RM	RM
Mac 9	Inventori	400	
	Ambilan		400

26 Jurnal di bawah ini diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Adam.

Tarikh	Butir	Debit
20X9		RM
Jun 5	**P**	3400
15	**Q**	4500
30	Akaun Jualan	7900

Siapakah contoh pihak yang boleh berada di bahagian Butir?

A Perniagaan Hamadi (Pelanggan)

B Syarikat Amirul (Akaun Belum Terima)

C Perniagaan Hamadi (Pembekal)

D Syarikat Amirul (Akaun Belum Bayar)

27 Pada 1 Jun 20X9, Ketua Juruwang Perniagaan Darul Mukhsin telah memberi kerani akaunnya RM200 untuk membiayai belanja runcit bagi bulan tersebut. Sepanjang bulan itu,sejumlah RM120 telah digunakan untuk perbelanjaan runcit.

Hitung jumlah wang yang akan dibayar balik oleh Ketua Juruwang kepada kerani akaunnya pada awal bulan Julai.

A RM 80

B RM 120

C RM 200

D RM 320

28 Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu sistem dalam perakaunan.

Buku W digunakan untuk merekodkan semua jenis urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik menggunakan sistem Y.

LIVEWORKSHEETS

Apakah **W** dan **Y**?

	W	Y
A	Jurnal Am	Sistem Catatan Tunggal
B	Buku Tunai Runcit	Sistem Inventori berterusan
C	Lejar	Sistem Catatan Bergu
D	Buku Tunai	Sistem Panjar Runcit

29 Akaun yang berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Joe akan dikelaskan pada dua jenis lejar.

Akaun Lengkapan

Kedai Teguh	RM 1 400		

Kedai Teguh

		Lengkapan	RM 1 400

Apakah jenis lejar tersebut?

	Akaun Lengkapan	Kedai Teguh
A	Lejar Am	Lejar Belian
B	Lejar Am	Lejar Am
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

30 Pernyataan yang manakah **benar** tentang Catatan Kontra dalam Buku Tunai?

A Menyediakan cara pembetulan kesilapan dalam Buku Tunai

B Merujuk kepada pemindahan bank ke dalam tunai pejabat dan sebaliknya

C Merupakan kaedah pembatalan diskaun diberi ke atas cek tak laku

D Menyelaraskan jumlah antara diskaun diberi dengan diskaun diterima

31 Pilih padanan bagi akaun nyata dan nominal yang **betul**.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Kenderaan	Gaji
II	Bank	Inventori
III	Belian	Promosi
IV	Perabot	Jualan

LIVEWORKSHEETS

A I dan II C II dan III

B I dan IV D III dan IV

32 Pernyataan manakah yang benar tentang peraturan merekodkan urus niaga ke dalam lejar?

A Aset didebitkan apabila bertambah C Liabiliti didebitkan apabila bertambah

B Hasil dikreditkan apabila berkurang D Ekuiti pemilik dikreditkan apabila berkurang

33 Apakah tujuan Akaun Kawalan disediakan?

A Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

B Mengawal aliran masuk dan aliran keluar tunai perniagaan

C Menghitung lebihan tunai perniagaan pada tarikh imbangan

D Menyemak ketepatan catatan dalam Lejar Belum Terima dan Lejar Belum Bayar

34 Butiran dalam Akaun Kawalan Belum Bayar manakah yang diperoleh daripada Buku Tunai?

I Belian Tunai III Faedah dikenakan

II Diskaun diterima IV Jumlah bayaran kepada akaun belum bayar

A I dan II C II dan IV

B I dan III D III dan IV

35 Apakah yang dimaksudkan dengan Lejar Subsidiari?

A Buku yang merekodkan urus niaga secara kredit sahaja

B Buku yang merekodkan hasil dan belanja sepanjang tahun

C Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun untuk merekod pelbagai jenis urus niaga

D Buku yang merekodkan urus niaga yang berkaitan dengan akaun belum terima dan akaun belum bayar

36 Urus niaga di bawah ini diambil daripada Perniagaan Yap.

Menjual motosikal terpakai kepada Freddie dengan harga RM 3500 dan tunai yang diterima digunakan untuk keperluan perniagaan

Pilih catatan bergu yang sesuai bagi urus niaga di atas.

	Debit	**Kredit**
A	Akaun Kenderaan	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Kenderaan

LIVEWORKSHEETS

C	Akaun Freddie	Akaun Kenderaan
D	Akaun Kenderaan	Akaun Freddie

37 Nyatakan akaun yang terlibat dalam catatan bergu untuk urusniaga berikut:

Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Shahrizan.

	Debit	**Kredit**
A	Barang niaga	Akaun Belum Bayar
B	Belian	Pembekal Shahrizan
C	Belian	Tunai
D	Tunai	Belian

38 Manakah keadaan yang menyebabkan Akaun Kawalan Belum Terima mempunyai baki kredit?

I Akaun Belum Terima memulangkan barang selepas menjelaskan hutang

II Akaun Belum Terima menerima diskaun selepas menjelaskan hutang

III Bayaran Akaun Belum Terima kurang dari hutangnya

IV Akaun Belum Terima dikenakan faedah

A I dan II C I dan IV

B II dan III D III dan IV

39 Puan Mahani mengambil barang niaga bernilai RM300 untuk tujuan derma.

Apakah akaun yang akan dikreditkan?

A Jualan C Belian

B Ambilan D Promosi

40 Pilih pasangan yang **betul**.

	Akaun Nyata	**Akaun Nominal**
A	Perabot	Akaun Belum Terima
B	Gaji	Akaun Belum Bayar
C	Kenderaan	Komisen
D	Jualan	Belian

LIVEWORKSHEETS